

No. 97.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(PERAK) 2004

PELANTIKAN TIMBALAN MUFTI BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Bahawasanya Duli Yang Maha Mulia Sultan, pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen 33(2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah membuat keputusan seperti yang terkandung dalam ini:

Dan bahawasanya menurut subseksyen 33(2) dan (3) Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan pelantikan ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan berkenaan ini:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 33(2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Duli Yang Maha Mulia Sultan, berkenan membuat dan menyiarkan keputusan yang berikut:

"Jawatan Timbalan Mufti bagi Negeri Perak Darul Ridzuan akan disandang oleh Encik Zamri bin Hashim berkuat kuasa serta merta selepas penyiaran *Warta* ini"

Bertarikh 3 Januari 2011

[MNP.K.A35 LIST/01/7 JLD2; PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan*

Pk. P.U. 27.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

FATWA MENGENAI KADAR WAJIB ZAKAT TANAMAN

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

Dan bahawasanya menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini: